

15/12/2001

Warga kota mula pulang berhari raya

KUALA LUMPUR, Jumaat - Ribuan warga kota mula meninggalkan ibu negara untuk balik ke kampung masing-masing bagi menyambut perayaan Aidilfitri yang dijangka Ahad ini.

Jalan raya dan lebuhraya di seluruh negara mula sesak dengan kenderaan apabila hampir dua juta warga Lembah Klang meninggalkan ibu kota secara berperingkat, sejak seminggu lalu.

Pada masa yang sama, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merayu orang ramai yang pulang ke kampung untuk berhari raya supaya tidak terburu-buru bagi mengelakkan korban kecelakaan jalan raya.

"Bawa kereta perlahan-lahan dan pandu dengan cermat. Kita akan sampai juga ke kampung walaupun memandu dengan perlahan biarlah satu jam atau dua jam lewat sikit sampai ke kampung, pun tidak apa," kata Perdana Menteri di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di Alor Star malam tadi, sejeurus sebelum berlepas pulang ke ibu negara.

Dr Mahathir juga mengingatkan semua pengguna jalan raya supaya berhati-hati pada musim perayaan seperti ini dan jangan sampai suasana ceria yang akan disambut nanti diselubungi kesedihan oleh keluarga masing-masing.

Beliau melahirkan rasa kecewa kerana masih berlaku banyak kemalangan yang meragut nyawa, walaupun kempen dan nasihat keselamatan jalan raya diadakan sepanjang masa.

Dr Mahathir menyifatkan pemandu yang tidak cermat di jalan raya tidak mempunyai rasa simpati dan tanggungjawab terhadap pengguna jalan raya yang lain.

"Sewajarnya pihak berkuasa mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang mengingkari peraturan jalan raya kerana bukan sahaja membawa malapetaka kepada diri sendiri tetapi menyusahkan orang lain," katanya.

Sementara itu, tinjauan Berita Harian di stesen hentian bas Pudu Raya di sini mendapati warga kota masih mendapatkan tiket bas untuk balik ke kampung masing-masing.

Jaminan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) memastikan semua warga kota yang balik mendapat tiket bas tahun ini, sedikit sebanyak menyebabkan mereka tidak perlu berasak-asak mendapatkannya, berbanding tahun sebelum ini.

JPJ dijangka mengeluarkan lebih 1,800 Lesen Perubahan Sementara (LPS) untuk semua destinasi, di samping perkhidmatan bas ekspres biasa.

Seorang penumpang, Suhaidi Junaidi, 30, yang turut menyifatkan jaminan adanya bas tambahan yang dijanjikan JPJ menyebabkan orang ramai tidak begitu risau mengenai masalah kehabisan tiket seperti tahun sebelumnya.

(END)